

NOTIS SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA	UKM/KZN/SH/1-2021
TAJUK SEBUT HARGA	PERKHIDMATAN MEMPROMOSI, MENGAMBIL, MENCETAK DAN MENGEDAR GAMBAR GRADUAN (PENTAS) DI MAJLIS KONVOKESYEN KE-48 UKM PADA TAHUN 2021 UNTUK KHAZANAH UKM, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

NO. PETI SEBUT HARGA *(1)	6
TARIKH TUTUP	2 Mac 2021
MASA	12.00 Tengahari
TEMPAT	Peti Sebutharga, Pusat Khidmat Kewangan (PKKew), Aras 1, Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori, UKM

- Sebut Harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **010501 Penerbitan dan Penyiaran Fotografi dan Filem (Kamera dan Aksesori)** atau **221303 Perkhidmatan Kesenian Hiburan dan Pelancongan Fotografi** bagi **Perkhidmatan Mempromosi, Mengambil, Mencetak Dan Mengedar Gambar Graduan (Pentas) Di Majlis Konvokesyen Ke-48 UKM Pada Tahun 2021 Untuk Khazanah-UKM.**
- Universiti tidak terikat untuk menerima mana-mana Sebut Harga.
- **Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada waktu pejabat dari jam 8.30 pagi - 12.30 tengahari, 2.30 petang – 4.30 petang, (Isnin-Khamis), 8.30 pagi – 12.00 tengahari, 3.00 petang - 4.30 petang (Jumaat) yang dijual dalam bentuk salinan lembut (soft copy) (e-mel) dengan bayaran sebanyak RM 30.00. Bayaran hendaklah dibuat secara pindahan atas talian melalui Akaun Bank CIMB Universiti Kebangsaan Malaysia 80-0223430-7. Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Penyebutharga perlu melampirkan bukti pembayaran dengan menyatakan nama syarikat melalui e-mel dan dialamatkan ke khazanah@ukm.edu.my. Dokumen Sebut Harga akan diberikan melalui e-mel setelah bukti pembayaran diterima.**
- Sila kemukakan Satu Set Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di atas dan Sijil Taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan sijil berkenaan bersama e-mel bukti pembayaran.
- Tempoh sahlaku Sebut Harga adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup sebut harga tersebut.
- Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.
- Setiap Penyebutharga hendaklah menyerahkan **Surat Akaun Pembida Lampiran F** (SAP bertarikh 1 April 2010) sebelum memasukkan Dokumen Sebut Harga ke dalam Peti Sebut Harga.
- Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **23 Februari 2021 jam 10.00 pagi** dilaksanakan secara atas talian melalui pautan 'Google Meet' di alamat <https://meet.google.com/oer-itoq-krq?hs=122&authuser=0>.